



**KERJASAMA...**Raja Nong Chik (tiga dari kiri) melihat pertukaran MoU antara Ng (dua dari kiri) dan Dr Tai (kanan), semalam.

## Kerjasama laksana program pakar teknologi

**K**UALA LUMPUR: AECOM Technology Corporation semalam menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan MIGHT-METEOR Advanced Manufacturing Sdn Bhd (MMAM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

MoU dengan MMAM ditandatangani bagi menjalinkan kerjasama dalam melaksanakan program pakar teknologi dalam kepakaran domain khusus (TeSSDE).

Menerusi kerjasama itu, graduan terpilih dalam bidang kejuruteraan yang berkerja di AECOM akan mengikuti program menyeluruh TeSSDE dengan bimbingan dan tunjuk ajar dirangkumkan bersama.

Manakala MoU dengan UPM membabitkan pertukaran kakitangan tenaga pengajar dan penempatan dalam industri.

Kedua-dua pihak akan bekerjasama dalam bidang penyelidikan serta program inovasi dan komersil.

MoU itu disaksikan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin. Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Ahmad Phesal Talib.

AECOM diwakili Pengurus Korporat untuk Malaysia, Ng Hong Seng, MIGHT-METEOR diwakili Pengarah Eksekutifnya, Jasmin Baba manakala UPM diwakili Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat, Profesor Dr Tai Shzee Yew.

Terdahulu dalam ucapannya, Raja Nong Chik berkata, dua masalah besar yang dihadapi sekarang ialah membina satu rangka kerja pendidikan yang kukuh.

"Menyedari kepentingan pendidikan dan latihan, kerajaan berbelanja besar di semua sektor pendidikan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja," katanya ketika ditemui.